

# UPM pulihara rumah tradisional Seri Menanti

Oleh Basir Zahrom  
basir@bharian.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) memindahkan sebuah rumah lama tradisional Negeri Sembilan milik Orang Empat Istana (Pembesar Istana) Seri Menanti untuk dijadikan Muzium Warisan Melayu.

Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM, Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata setiap bahagian rumah itu dibuka satu persatu sebelum dibina semula mengikut

struktur pelan rumah asal di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

"Kerja pembinaan semula rumah yang bermula pertengahan Mac dijangka siap selama empat bulan dan saya yakin akan menjadi tarikan utama pelawat ke muzium selain untuk tujuan pendidikan

"Rumah ini dibina sendiri oleh pemiliknya, Datuk Raja Diwangsa Muhammad Yunus Jabar yang digelar 'Tok Tonso' oleh masyarakat Kampung Merual, Seri

Menanti dengan dibantu Dukun Mahat dan Tukang Kassim sekitar 1920-an.

"Rumah ini diserahkan oleh Darwinshah Muhammad Yunus iaitu waris Datuk Raja Diwangsa kepada UPM untuk dipulihara dan dijadikan Muzium Warisan Melayu," katanya ketika ditemui dalam majlis mendirikan tiang seri rumah berkenaan, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis ringkas itu ialah Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Abdul Muati @ Zamri Ahmad.

## 'Semangat' rumah

Sebelum mendirikan tiang seri rumah terbahit, Abdul Muati @ Zamri memasukan syiling 5 sen tahun 2013 ke dalam lubang terletak di bawah tiang berkenaan menandakan ia didirikan semula tahun ini berikutan penemuan satu syiling 5 sen tahun 1935 dan secebis kayu ditemui ketika tiang itu dibuka.

Mengulas lanjut mengenai acara berkenaan, Muhammad

Pauzi berkata cebisan kayu yang ditemui itu dipercayai kayu asal tiang seri terbahit hasil keratan kali pertama pada pokok yang menjadi 'semangat' rumah pembesar Negeri Sembilan itu.

Katanya, penyelidik Barat pun pernah berkata, rumah Melayu sama seperti manusia kerana memerlukan semangat, jika tidak akan kelihatan 'kosong' dan terpinggir.

"Rumah tradisional Ne-

geri Sembilan ini terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu anjung, serambi, induk atau ibu, loteng dan kelek anak atau rumah dapur. Dibina menggunakan kayu cengal batu, mempunyai keunikan tersendiri iaitu tidak mempunyai tiang di dalam rumah yang menyokong struktur bumbung dan loteng rumah.

## Keunikan

"Kehebatan seni bina rumah pembesar ini boleh dilihat daripada ciri-ciri tertentu seperti tebar layar tiga tingkat, loteng yang besar serta tiang gantung tak jejak bumi yang hanya ada pada rumah orang istana saja," katanya.

Muhammad Pauzi berkata, hanya pemindahan dan pemuliharaan saja yang akan dapat menyelamatkan rumah tradisional untuk tatapan generasi akan datang daripada terbiar dan musnah begitu saja.

"Keseluruhan pemindahan rumah ini menelan belanja kira-kira RM100,000 iaitu upah tukang dari Indonesia untuk membuka dan memasang semula, sedikit memangan ke waris Datuk Raja Diwangsa serta pembelian dua buah lagi rumah tradisional Negeri Sembilan untuk penggunaan kayunya," katanya.



Dr Muhammad Pauzi (kiri) dan Prof Abdul Muati semasa upacara menaik tiang seri rumah Orang Empat Istana.